

18 OCT 1998  
KSN-Tindakan

#### KAKITANGAN AWAM SERTAI GERAKAN ANTI KERAJAAN AKAN DIBUANG KERJA

CHUKAI, 18 Okt (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali berkata kakitangan awam yang terbabit dalam gerakan anti-kerajaan boleh dipecat.

Katanya terdapat peruntukan dalam Perintah Am tentang jenis-jenis tindakan yang boleh diambil terhadap mereka.

"Kalau betul-betul melanggar undang-undang dengan menyebabkan kesan yang serius, mereka boleh dibuang kerja," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan bengkel pengurusan masa anjuran Puspanita di sini hari ini.

Abdul Halim berkata setakat ini beliau tidak mendapat laporan khusus daripada polis mengenai penglibatan kakitangan awam dalam gerakan dan demonstrasi menyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau mengingatkan kakitangan kerajaan bahawa mereka tidak boleh masuk campur dengan demonstrasi seperti itu kerana mengikut peraturan, semua pegawai perlu memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada kerajaan.

"Tidak ada sesiapaupun khasnya pegawai kerajaan harus mempunyai sikap yang menentang hasrat kerajaan menjadikan negara ini negara maju," katanya.

Mengenai kenyataan Presiden CUEPACS Abdul Aziz Mohd Sultan bahawa ia akan merayu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kerajaan mempertimbang untuk membayar bonus kepada kakitangan kerajaan, Abdul Halim berkata setahu beliau, kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai perkara itu.

"Perkara ini harus ditimbang dengan teliti oleh kerajaan dengan mengambil kira keadaan ekonomi sekarang," katanya.

Bengkel dua hari itu disertai 120 anggota Puspanita dari Terengganu, Pahang dan Kelantan.

-- BERNAMA

sbj mai